

14 SEP 2002

DR MAHATHIR DAN ISTERI HADIR ULANG TAHUN PERJUMPAAN KELAS 1947

PUTRAJAYA, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersama 31 bekas pelajar King Edward VII College of Medicine hari ini menghadiri ulang tahun perjumpaan ke-55 kelas 1947 di Hotel J.W.Marriot di sini.

Beliau tiba pada pukul 2.30 petang dan beramah mesra dengan kira-kira 70 hadirin terdiri daripada rakan sekolejnya serta keluarga mereka.

Kolej tersebut merupakan tapak asal Universiti Malaya di Singapura dan Dr Siti Hasmah juga merupakan rakan sekelas Dr Mahathir.

Menurut seorang pembantu Perdana Menteri, sepanjang pengetahuannya, Dr Mahathir tidak pernah ketinggalan meraikan hari ulang tahun perjumpaan dengan rakan-rakan kolejnya sebelum ini.

Dr Mahathir kemudian membawa rakan-rakannya melihat sekitar Tasik Putrajaya dengan bot dan akan meraikan mereka dengan jamuan malam di Sri Perdana malam ini.

Esok mereka dijadualkan melawat sekitar pejabat Perdana Menteri, Masjid Putrajaya dan Cyberjaya.

-- BERNAMA

AZH AZZ ZB